

# Jakim wujudkan talian khas 24 jam terima aduan isu hina agama Islam

Oleh **MOHD HUSNI MOHD NOOR**  
utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mewujudkan talian khas 24 jam untuk menerima aduan berkaitan isu penghinaan terhadap agama Islam terutama yang dicituskan menerusi laman media sosial.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Mohd. Na'im Mokhtar berkata, talian khas itu beroperasi serta merta bermula semalam menerusi dua saluran aduan masing-masing di talian 017-3234533 (WhatsApp) dan emel, aduan@islam.gov.my.

Beliau berkata, talian aduan khas itu akan dikendalikan Jakim dengan kerjasama beberapa agensi lain termasuk Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri (JAIN) termasuk JAWI, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM).

"Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) secara konsisten memberikan penegasan



**Jika ia membabitkan kesalahan mengikut Kanun Keseksaan termasuk mengganggu ketenteraman awam maka aduan itu akan disalurkan kepada PDRM."**

**DR. MOHD. NA'IM MOKHTAR**

akan sentiasa memelihara kesucian serta ketinggian agama Islam di negara ini.

"Mana-mana pihak yang didapati melakukan tindakan menghina Islam perlulah dibawa ke muka pengadilan sebagai pengajaran kepada semua

pihak," katanya ketika ditemui pada majlis perjumpaan bulanan agensi-agensi agama di bawah JPM di sini, semalam

Katanya, masyarakat awam boleh membuat aduan serta laporan berkaitan apa-apa isu penghinaan kepada agama Is-

lam menerusi talian khas berkenaan.

Mohd Na'im berkata, beliau menyeru semua pihak untuk memelihara keharmonian di negara ini dan apa-apa bentuk tindakan provokasi dan ekstrem perlu dihentikan segera demi

mencapai cita-cita Malaysia Madani.

Mengulas lanjut mengenai talian aduan itu, Mohd Na'im berkata, setiap aduan yang diterima akan ditapis terlebih dahulu oleh sebuah jawatankuasa teknikal yang diketuai Jakim bagi memastikan kesahihan setiap aduan yang dikemukakan.

Katanya, jika aduan itu membabitkan kesalahan jenayah syariah, maka ia akan disalurkan dan dirujuk kepada jabatan agama negeri yang berkenaan.

"Jika ia membabitkan kesalahan mengikut Kanun Keseksaan termasuk mengganggu ketenteraman awam maka aduan itu akan disalurkan kepada PDRM..

"Kami juga akan bekerjasama dengan SKMM bagi menurunkan kandungan daripada media sosial terutama membabitkan kandungan yang menggugat ketenteraman awam," katanya.

Katanya, beliau juga mahu setiap aduan yang diterima itu diatasi sesegera mungkin bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil.